




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 316 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 37,869 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Penampang dan Lahad Datu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 229 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 35,383 orang. Sejumlah 1,752 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 643 orang di hospital dan 1,109 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 55 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas dan Kota Marudu bertukar dari zon kuning ke zon jingga, manakala Daerah Kudat berubah dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pada hari ini, satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Kota Kinabalu iaitu Kluster Lintas Seraya mencatatkan sebanyak tiga (3) kes menjadikan jumlah kumulatif 15 kes. Kluster ini melibatkan dua (2) daerah iaitu Kota Kinabalu dan Penampang. Kes indeks telah dikenal pasti melalui saringan bergejala dan melalui siasatan mendapatkan kluster ini berpunca dari majlis sosial (makan malam perayaan krismas) di sebuah restoran di Lintas.
- 5 Daripada 316 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 239 kes (75.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 40 kes (12.7%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 7 kes (2.2%), saringan komuniti 4 kes (1.3%) dan 26 kes (8.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 948 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,445 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,393 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 27.40%.

#### **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **310,193** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

#### **D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98.01%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	99%
2	Kinabatangan	99%
3	Kota Belud	99%
4	Sipitang	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Ranau	98%
15	Lahad Datu	97%
16	Tuaran	97%
17	Keningau	97%
18	Tenom	97%
19	Tawau	97%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

## **E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis di daerah Lahad Datu.
- 2 Hebahen umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 11 lokasi di Daerah Tawau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
3 Januari 2021